

Cara Mudah Membaca Dokumen Dengan Track Changes

Oleh: Muhammad Zaki Ramli, Penyunting Bebas, azzakingopol@gmail.com

Saya ~~mmenaue~~ menaip ayat ~~unui ini taboa~~ tanpa nekugar sjerub melihat skrin, ~~saya~~ Saya sebenarnya tak tahu mahu tulis apa, ~~taeu~~ tapi saya tulis sahajalah, asalkan ada sesuatu ~~ubtuj~~ untuk ~~ruan2~~ Tuan-tuan jaduikan rujukan ketika membaca ~~tenuku e-buku ynag yang~~ saya tuklis yang bertajuknya ~~cara~~ Cara mudah Mudah membaca Membaca dokumen Dokumen degan Dengan ~~terack~~ Track changes Changes.

Dokumen yang mengandungi banyak track changes memang sukar untuk dibaca apatah lagi untuk difahami sekiranya kita tidak meletakkan tetapan (*setting*) yang betul dalam MS Word.

Makin banyak track changes dalam dokumen, makin memeningkan untuk membacanya jika tetapan yang kita letakkan tidak membantu kita untuk membacanya dengan mudah.

Dalam e-buku ini, saya dedahkan kaedah yang saya guna untuk mudah membaca dokumen yang banyak track changes.

Sedikit latar belakang saya sebagai penyunting bebas: Sudah pasti tugas harian saya tidak terlepas daripada berdepan dengan dokumen yang perlu saya semak dengan meletakkan track changes.


Sudah pelbagai jenis dokumen sudah saya semak. Daripada dokumen yang sangat minimum suntingan yang saya buat kerana penulisnya amat baik penguasaan bahasanya, hinggalah dokumen yang setiap satu baris pun perlu saya sunting, malah ada kalanya saya perlu tulis semula ayat itu.

Pada awal pelibatan saya dalam bidang ini, saya tidak tahu kaedah yang memudahkan saya membaca dokumen yang mengandungi track changes. Setelah saya temukan kaedah mudah ini, saya kini lebih pantas menyunting.


Sebelum Tuan mengikuti langkah-langkah yang saya ajar dalam e-buku ini, sebaik-baiknya Tuan buka satu dokumen yang sudah sedia mengandungi track changes. Tuan boleh muat turun di sini:

<https://www.dropbox.com/s/156jl2cqjbs3daq/Dokumen%20Contoh.docx?dl=0> Link sudah tidak berfungsi. Maaf ya.

Mula-mula Sekali, Pastikan Tuan Aktifkan Butang Track Changes




Langkah #1: Tetapkan Display For Review Kepada Final: Show Markup



Ikuti langkah-langkah berikut:

1. Klik tab Review.
2. Dalam bahagian Tracking, cari Display For Review, iaitu bar yang mengandungi pilihan seperti berikut:
 - i. Final: Show Markup
 - ii. Final
 - iii. Original: Show Markup
 - iv. Original
3. Pilih Final: Show Markup.

Langkah #2: Tetapkan Show Markup kepada Show Revisions in Balloons



Ikuti langkah-langkah berikut:

1. Dalam bahagian Tracking, klik pada Show Markup.
2. Pilih Balloons.
3. Klik pada Show Revisions in Balloons.

Nota

1. Hanya dua langkah ini sahaja sudah membantu Tuan membaca dokumen yang mengandungi track changes dengan mudah.
2. Sekarang, cuba Tuan lihat perbezaan sekiranya Tuan meletakkan tetapan lain pada Langkah #1 dan Langkah #2.
3. Tuan mungkin tidak mahu langsung melihat track changes dalam dokumen Tuan, tetapi Tuan mahu kekalkan track changes yang sedia ada dan yang akan Tuan lakukan. Oleh itu, dalam Langkah #1, Tuan boleh letakkan tetapan kepada Final, dan bukannya Final: Show Markup.

4. Sebagai penyunting, saya lebih selesa dengan tetapan Final: Show Markup bagi Langkah #1 dan Show Revisions in Balloons bagi Langkah #2.


Langkah #3: Tukar Warna Track Changes Kepada Warna Kegemaran

Langkah ini terserah kepada Tuan (*optional*), khususnya jika Tuan tidak gemar dengan track changes yang berwarna merah.

Dalam tetapan asal, warna merah akan digunakan bagi komputer pertama yang meletakkan track changes dalam dokumen itu.

Untuk mengubah warna track changes kepada warna kegemaran Tuan, ikuti langkah-langkah berikut:

1. Pada bahagian Tracking, klik pada anak panah ke bawah, dan pilih Change Tracking Options.
2. Lihat pada Insertions dan Deletions. Pada tetapan asal, ia akan diletakkan pada tetapan By author.
3. Klik pada Color, dan pilihlah warna kegemaran Tuan bagi Insertions dan Deletions.



Nota:

1. Saya suka warna biru, jadi tetapan saya bagi By author ialah biru. Lihat rajah pada halaman pertama dalam e-buku ini. Itulah warna kegemaran saya ketika menyunting.
2. Sekiranya ada komputer kedua yang meletakkan track changes yang seterusnya, track changes dengan warna lain yang akan digunakan. Begitulah seterusnya sekiranya komputer lain digunakan untuk meletakkan track changes pada dokumen yang sama.
3. Mudah kata, lain komputer, lain warna track changes-nya. Hal ini bagi membolehkan kita menentukan *siapa yang menukar apa*.
4. Kaedah yang saya ajar dalam e-buku ini adalah mengikut keselesaan mata saya. Mata Tuan mungkin lebih selesa dengan tetapan-tetapan lain. Oleh itu, terserah kepada Tuan untuk membuat pilihan terbaik, asalkan Tuan mudah membaca dokumen yang mengandungi track changes.